

# MIFF Marketing perluas operasi di Mesir

KUALA LUMPUR 19 Jun - MIFF Marketing Sdn. Bhd. memperluaskan lagi operasi di Mesir bagi perkhidmatan samak, pembersihan yang mematuhi Syariah, berikutan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Red Sea Ports Authority hari ini.

Menurut MoU berkenaan, MIFF Eittrans Jointventure Ltd, usaha sama (JV) antara MIFF Marketing dan syarikat logistik Mesir, Eittrans Group Ltd, akan memantau operasi dan logistik kontena di pelabuhan selama tiga tahun.

Syarikat juga dipertanggungjawabkan untuk memantau pensijilan logistik halal bagi keseluruhan Mesir, demikian menurut Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dalam satu kenyataan dari Kaherah.

MIFF Marketing, penerima Dana Permu-  
laan Perniagaan kerajaan di bawah MTDC,  
mengeluarkan serbuk tanah liat inovatif di-  
kenali CLAYMIFF, yang dimajukan Univer-  
siti Putra Malaysia dan digunakan secara  
meluas dalam industri halal Malaysia. - BER-